



GARIS PANDUAN PDTSB BIL 3/2020 PANDUAN PERANCANGAN PEROLEHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memastikan perancangan perolehan dilaksanakan secara teratur dan sistematik berdasarkan peruntukan semasa yang diterima.

2. LATAR BELAKANG

Pentadbiran ini mendapati terdapat banyak permohonan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja secara tidak terancang dan tidak teratur menyebabkan jabatan terpaksa membuat pindah peruntukan bagi menampung perbelanjaan tersebut. Terdapat permohonan melebihi had siling dalam sesuatu Objek Am.

3. PERANCANGAN

- 3.1 BKP mengeluarkan satu arahan kepada Bahagian/Unit untuk menyediakan perancangan perolehan pada tahun berikutnya. Bahagian perlu menyediakan senarai permohonan pada setiap bulan Disember mengikut format seperti di **Lampiran ‘A’**.
- 3.2 Bahagian perlu membuat perancangan dan mendapatkan senarai keperluan dari Unit masing-masing mengikut keutamaan.
- 3.3 Permohonan tersebut perlu dihantar ke urus setia di Unit Kewangan, BKP untuk penyelaras dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Perancangan Perolehan pada bulan Januari tahun berikutnya. Pelaksanaan pembahagian mengikut Objek Am 20000 dan 30000.
- 3.4 Mesyuarat Perancangan Perolehan akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan memutuskan mengikut keperluan dan kelulusan Pegawai Daerah. Hasil Mesyuarat dipanjangkan ke Unit Kewangan untuk kelulusan dan agihan peruntukan.
- 3.5 Jumlah Bajet yang diluluskan dan diterima dibincangkan semula di peringkat Ketua Bahagian dan disahkan oleh Pegawai Daerah.

- 3.6 Semakan prestasi bekalan/perkhidmatan dan kerja akan dibincangkan di dalam Mesyuarat JPKA/JKPAK yang dibuat secara berkala.
- 3.7 Kajian semula perancangan perolehan akan di buat pada bulan Jun tahun semasa bagi memastikan tidak berlaku lebihan/kekurangan peruntukan yang menyebabkan perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja tidak dapat dilaksanakan.
- 3.8 Perancangan semula bagi tahun berikutnya disediakan pada setiap bulan Disember tahun semasa.

4. PEMAKAIAN

Semua Bahagian dan Unit hendaklah memastikan Garis Panduan yang telah dinyatakan dalam arahan ini dan pekeliling berkaitan perancangan perolehan dipatuhi sepenuhnya. Ini bagi memastikan perancangan perolehan menjadi yang lebih cekap dan teratur.

5. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(NASIR BIN MAMAT S.I.S, K.M.W, A.M.N)

Pegawai Daerah Sabak Bernam
Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam

Tarikh: **14.12.2020**

Nota :

BKP	-	Bahagian Khidmat Pengurusan
JPKA	-	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun
JKPAK	-	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan



LAMPIRAN 'A'

PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUN

BAHAGIAN/ UNIT:

Disahkan Oleh :-

(Nama Ketua Unit/ Bahagian)